

NEWS CLIPPING – PRESS

PR VALUE: RM 5,284.52

Client	DSA Exhibition and Conference		
Publication	Utusan Sarawak	Date	Sat, 7 March 2020
Section	Ekonomi	Page No(s).	28
Circulation	37,981	Frequency	Daily
Headline	DSA, NATSEC Asia 2020 ditangguh ke Ogos depan		

DSA, NATSEC Asia 2020 ditangguh ke Ogos depan

KUALA LUMPUR: Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2020 dan Pameran Antarabangsa Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2020 yang dijadualkan pada April ini, kini ditangguhkan ke Ogos depan berikutnya penularan Covid-19.

Menurut DSA Exhibition & Conference Sdn Bhd, acara itu akan diadakan pada 24 hingga 27 Ogos 2020 berbanding 20 hingga 23 April sebelum ini.

"Penangguhan itu diputuskan selepas mengambil kira pertimbangan dan rundingan terperinci dengan pihak Kementerian Perta-

hanan (Mindef), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan pihak berkepentingan susulan kebimbangan membabitkan Covid-19 yang menjaskan perjalanan antarabangsa serta faktor lain," kata pihak penganggur itu dalam satu kenyataan, semalam.

Pengerusinya, Tan Sri Asmat Kamaludin berkata, keputusan itu dicapai sebulat suara walaupun acara terbabit akan hanya diadakan dalam tempoh dua bulan lagi.

Lokasi pameran tersebut kekal sama di Malaysia International Trade and Exhibition Centre

(MITEC).

DSA 2020 dan NATSEC Asia 2020 itu dihos, disokong dan diaturkan bersama oleh Mindef dan KDN.

Asmat berkata langkah memindahkan tarikh itu dibuat kerana acara tersebut dijangka menarik kehadiran kira-kira 1,500 syarikat dari lebih 60 negara, 350 delegasi kehormat mewakili 30 negara serta 50,000 pengunjung dari serata dunia.

"Kami mahu memastikan persekitaran perniagaan yang kondusif dan produktif untuk pihak berkepentingan, pembayar dan pengunjung sepanjang acara itu

berlangsung.

"Oleh itu, kami berkongsi simpati terhadap mereka yang terjejas dan berharap penjadualan semula tarikh tersebut dapat memastikan DSA 2020 dan NATSEC Asia 2020 terus kekal sebagai platform penting untuk menggalakkan pertukaran serta perkongsian teknologi antarabangsa selain berupaya merancakkan hubungan kerjasama untuk memperkuat aspek pertahanan dan keselamatan selain agensi kerajaan pada DSA 2020 dan NATSEC Asia 2020.

Bertemakan 'Advancing into a New Era of Defence,' dua acara mega itu akan mengetengahkan segmen yang tidak hanya tertumpu kepada platform pertahanan konvensional, sebaliknya turut membabitkan pertahanan siber, sistem yang dikawal secara jarak jauh dan penjagaan kesihatan di medan perang.

Malah, terdapat peluang besar dari segi pakatan strategik, kerjasama perniagaan dan menjalin rangkaian yang berjaya dalam kalangan penggiat pertahanan dan keselamatan selain agensi kerajaan pada DSA 2020 dan NATSEC Asia 2020.

Maklumat lanjut di www.dsaehibition.com. — Bernama